

FOREX: Ringgit Ditutup Rendah Berbanding Dolar AS
Bernama
12 Disember, 2011

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Ringgit diniagakan rendah berbanding dolar AS Isnin berikutan pengelakan risiko dan kebimbangan berterusan akan krisis hutang Eropah yang masih berlarutan, kata para peniaga.

Ringgit ditutup pada 3.1575/1605 daripada 3.1470/1510 pada Jumaat minggu lepas.

Para peniaga berkata sejajar dengan aliran menurun dalam kebanyakan mata wang Asia, para pelabur masih berhati-hati dengan perkembangan hutang di zon euro, walaupun pemimpin Eropah mengenakan peraturan yang ketat untuk menangani krisis itu.

"Pertumbuhan import dan eksport China yang perlahan pada November juga meningkatkan kebimbangan akan prospek ekonomi global yang lemah, menyebabkan para pelabur enggan mengambil pegangan besar-besaran dalam aset berisiko," kata mereka.

Sementara itu, ringgit susut berbanding dolar Singapura kepada 2.4367/4394 daripada 2.4193/4242 pada Jumaat minggu lepas dan rendah berbanding yen kepada 4.0627/0691 daripada 4.0486/0559.

Mata wang tempatan juga turun berbanding pound British kepada 4.9169/9225 daripada 4.9172/9244 serta berbanding euro kepada 4.2033/2088 daripada 4.1975/1034 pada minggu lepas.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=633631>